



**MAJLIS DAERAH GUA MUSANG,
18300 GUA MUSANG,
KELANTAN.
TEL : 09-9120235 / FAX : 09-9121044
Laman Web Rasmi : mdgm.kelantan.gov.my**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang berkaitan bagi mengisi kekosongan jawatan di Majlis Daerah Gua Musang sebagaimana berikut:-

- A. 1. (a) Jawatan : PENOLONG ARKITEK LANDSKAP**
(b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
(d) Taraf Jawatan : Kontrak (Contract For Services)
(e) Gred Gaji : JA5
(f) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Tahunan
RM1,650.00	RM6,620.00	RM145.00

2. SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Teknologi dalam bidang Landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5 : RM1,731.00);
atau
(ii) Sijil Seni Bina, Sijil dalam bidang Perancangan Bandar atau Kejuruteraan Awam (Seni Bina) yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5 : RM1,731.00);
atau
(iii) Diploma Seni Bina Landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5 : RM2,055.00)

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

1. Bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja lapangan, surihan, penyediaan lukisan ilustrasi, penyediaan pelan dan dokumentasi, pemantauan, pemuliharaan landskap, penyelidikan dan pengurusan.
2. Melaksanakan kerja-kerja pengumpulan maklumat untuk perancangan dan reka bentuk projek pembangunan landskap
3. Menyediakan cadangan reka bentuk , pelan-pelan konsep dan laporan cadangan kos projek-projek pembangunan landskap

- B. 1.** (a) Jawatan : **PEMBANTU PENGUATKUASA**
(b) Kumpulan Perkhidmatan : Keselamatan dan Pertahanan Awam
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Pelaksana
(d) Taraf Jawatan : Tetap
(e) Gred Gaji : KP1
(f) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Tahunan
RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

2. SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1 : RM1,500.00);
atau
(ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1 : RM1,500.00);
atau
(iii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1 : RM1,500.00);
atau
(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1 : RM1,561.00);
atau

(v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1 : RM1,662.00);

dan (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa sepatu
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita
- (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja)
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat;
dan
- (vii) periksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

1. Menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan operasi dan siasatan
2. Membantu menguatkuasakan Akta Kerajaan Tempatan (1976)(Akta 171) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Akta Pengangkutan Jalan (1987) (Akta 333) serta Undang-Undang kecil bagi mendidik dan memastikan orang awam mematuhi Undang-Undang dan Peraturan yang dikuatkuasakan
3. Bertanggungjawab menyediakan, mengeluarkan, menyemak segala jenis-jenis dokumenatsi berkaitan operasi, pendakwaan, aduan dan siasatan
4. Menerima aduan dari orang awam(sumber)
5. Bertanggungjawab menjadi saksi kes-kes mahkamah

- C. 1. (a) Jawatan : **PEMBANTU KEMAHIRAN**
(b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran
(d) Taraf Jawatan : Tetap
(e) Gred Gaji : H1
(f) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Tahunan
RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

2. SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) (i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,500.00);

atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,561.00);

atau

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,561.00);

atau

(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,662.00);

atau

(v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,662.00);

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

Bertanggungjawab dalam tugas-tugas sokongan teknikal di bangunan kerajaan iaitu memasang, membaik pulih, menyenggara, mengawasi serta menguji kenderaan/ jentera/ peralatan awam dan mekanikal, pemasangan elektrik, sistem elektrik, sistem perpaipan dan kumbahan supaya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat.

D. 1. (a) Jawatan : PEMBANTU KESIHATAN AWAM

(b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Perubatan dan Kesihatan

(d) Taraf Jawatan : Kontrak (Contract For Services)

(e) Gred Gaji : U1

(f) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Tahunan
RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

2. SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred U1 : RM1,500.00);
atau
(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred U1 : RM1,561.00)

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. RINGKASAN TUGAS

- 1. Melaksanakan kerja-kerja pengawalan dan pencegahan di dalam program kebersihan alam sekeliling, kebersihan dan keselamatan makanan serta kawalan penyakit berjangkit yang berkaitan dengan tugasnya
- 2. Membantu dalam menjalankan aktiviti pemeriksaan, penutupan dan operasi penguatkuasaan undang-undang kesihatan awam.

- E. 1. (a) Jawatan : **(i) PEMBANTU KHIDMAT AM**
(ii) PEMBANTU KHDIMAT AM (PEMANDUAN)
- (b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
 - (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran
 - (d) Taraf Jawatan : Tetap
 - (e) Gred Gaji : H1
 - (f) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Tahunan
RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

2. SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred U1 : RM1,500.00);
atau

- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan (Gaji permulaan ialah pada Gred U1 : RM1,500.00);
atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred U1 : RM1,561.00);
atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred U1 : RM1,662.00);
- dan (v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti diperenggan 1 (d))

Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan)

- (d) (i) Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (kecuali Lesen Memandu Percubaan (P) dan berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan;

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

1. Membantu menjalankan tugas-tugas am yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam/ luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan/ruangan kerja
 - 1.1.Membersihkan tapak kerja serta mengangkut sampah sarap
 - 1.2.Melaksanakan tugas-tugas rencam seperti pembersihan longkang, pemotongan rumput dan dahan pokok serta tugas-tugas landskap
 - 1.3.Membantu tugas-tugas lain mengikut arahan semasa
2. Melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat seharian melibatkan pergerakan fail,penghantaran dan pendaftaran surat/dokumen/saman/notis serta pemanduan kenderaan. Memandu dan menyenggara kenderaan yang diliputi oleh lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E

E. CARA MEMOHON

1. Permohonan boleh dicetak melalui pautan laman web Majlis Daerah Gua Musang **mdgm.kelantan.gov.my** ataupun melalui borang permohonan MDGM yang boleh didapati di Majlis Daerah Gua Musang dengan harga RM3.00.
2. Setiap permohonan hendaklah dituliskan Nama Jawatan di bahagian atas sampul surat sebelah kiri (jika borang melalui Pos). Borang permohonan hendaklah beralamat sendiri dan setem (Urusan Kerajaan).

3. Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada:

**Yang DiPertua,
Majlis Daerah Gua Musang,
18300 Gua Musang,
Kelantan.
(U.p : Bahagian Sumber Manusia)**

4. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan **sekeping gambar berukuran pasport, salinan kad pengenalan, sijil lahir, sijil-sijil persekolahan, kelulusan akademik, transkrip keputusan peperiksaan** semua semester yang telah disahkan.
5. Permohonan yang lewat, tidak lengkap, tidak jelas atau tidak mengikut syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan dan **DITOLAK**.
6. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
7. Sebarang pemberitahuan mengenai urusan seterusnya termasuk temuduga akan dimaklumkan juga melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) atau email.
8. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 21 APRIL 2026 (SELASA) (Jam : 12.00 T/hari)

FAIL MDGM: 3/6/1 Kit.2 (77)